

Penerima biasiswa MHA mahu ceburi kerjaya beruniform sumbang kepada negara

► **HARITH MUSTAFFA**
harithr@sph.com.sg

SELEPAS ditugaskan menangani satu kes domestik yang melibatkan keganasan antara pasangan suami isteri semasa menjalani Pehidmatan Negara (NS), penerima biasiswa Kementerian Ehdalam Negeri (MHA), Encik Mohammad Afiq Ihan Mohammad Hussien sedar akan cabaran dan ancaman benar yang dihadapi pegawai Pasukan Polis Singapura (SPF).

Namun, Encik Afiq, 21 tahun, yang menyandang jawatan sebagai pegawai polis Pasukan Respons Darat (GRF) di Pasir Ris antara November 2020 dengan Februari lalu, juga kagum melihat profesionalisme yang ditunjukkan rakan sekerja sepenuh masa pada ketika itu semasa mengendalikan kes berkenaan.

Ketika dihubungi *Berita Harian* (BH) baru-baru ini, pelajar Universiti Nasional Singapura (NUS) itu berkata:

“Apa yang membuat saya kagum adalah apabila saya lihat penyelia saya pada ketika itu membuat keadaan menjadi tenang menerusi pengalamannya sebagai ayah sendiri.”

Menurut Encik Afiq, pergaduhan antara suami isteri itu adalah disebabkan hak jagaan anak mereka.

Beliau berkata, apa yang dicitra tohi rakan sekerjanya pada ketika itu merupakan sesuatu tindakan di luar buku teks, dan berpunca daripada naluri seorang bapa sendiri.

“Kejadian itu membuat saya hingga sekarang mempunyai motivasi untuk menjaga keamanan masyarakat kita,” tegasnya.

Lantas, beliau memutuskan untuk mendaftar sepenuh masa sebagai pegawai polis selepas NS – satu minat, yang menurutnya, semakin berkurangan antara beliau seusia dengannya.

Beliau merupakan antara 26 pelajar di sini yang menerima biasiswa Kementerian Ehdalam Negeri (MHA) semalam dalam satu



INGIN BAKTI PADA MASYARAKAT: Encik Mohammad Afiq Ihan Mohammad Hussien merupakan penerima Biasiswa Beruniform MHA yang ditawarkan kepada individu bermotivasi tinggi dan menunjukkan semangat terhadap menjaga keamanan dan keselamatan negara. – Foto BH oleh NUR DIYANA TAHA

“Apa yang membuat saya kagum adalah apabila saya lihat penyelia saya pada ketika itu membuat keadaan menjadi tenang menerusi pengalamannya sebagai ayah sendiri.

Kejadian itu membuat saya hingga sekarang mempunyai motivasi untuk menjaga keamanan masyarakat kita.”

– **Encik Mohammad Afiq Ihan Mohammad Hussien, penerima Biasiswa Beruniform MHA.**

majlis penyampaian biasiswa di Istana semalam.

Menteri Undang-undang merangkap Ehdalam Negeri, Encik K. Shanmugam, hadir dalam upacara itu selaku tetamu terhormat.

Beliau menerima biasiswa Anugerah Pembelajaran Tempatan Home Team, di bawah kategori biasiswa Beruniform MHA dan akan menerima pembiayaan yuran pembelajaran penuh, elaun dan terikat dengan bon selama empat tahun bersama SPF sesudah tamat pembelajarannya.

Tedapat dua penerima Biasiswa SPF, 11 penerima Biasiswa Beruniform MHA dan 13 penerima Biasiswa Bukan Beruniform (Civilian) MHA tahun ini, kata MHA.

Biasiswa Beruniform MHA di-

tawar kepada individu bermotivasi tinggi dan menunjukkan semangat terhadap menjaga keamanan dan keselamatan negara.

Penerima biasiswa berkenaan akan memulakan tugas mereka dalam jabatan Home Team sebagai pegawai beruniform seperti dalam SPF.

Encik Afiq, yang menuntut dalam jurusan kejuruteraan kimia, berkata:

“Saya berharap dapat menyumbang kepada SPF apabila saya diberi peluang kepimpinan pada masa depan nanti.”

Anak sulung dalam keluarga tiga beradik itu juga berkata beliau juga ingin memberi inspirasi kepada anak muda sekarang menyumbang kepada negara dengan menceburi kerjaya dalam kerja beruniform.